

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : NAIK TARAF JALAN PEKAN MERU**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf sistem jalan raya di Pekan Meru?
- b) Apakah projek infra di Meru yang dalam perancangan dan belum dilaksanakan?
- c) Tindakan kepada pihak kontraktor utiliti yang merosakkan jalan selepas kerja pembaikan mereka.

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : MEMBAIKPULIH PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI DI MUKIM  
PULAU INDAH DAERAH KLANG**

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri demi memastikan projek-projek perumahan yang terbengkalai dapat dibaikpulih di dalam kawasan Pelabuhan Klang terutamanya di Pulau Indah?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha memberikan komitmen dalam mengatasi masalah projek terbengkalai di kawasan DUN Pelabuhan Klang walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sahaja tetapi kuasa pemulihan ini terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Sehubungan itu, beberapa langkah proaktif telah diambil oleh Kerajaan melalui LPHS bagi memastikan usaha pemulihan perumahan terbengkalai dapat disiapkan adalah seperti berikut :

- i. **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan sentiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya dapat disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi. Keahlian JPPT (Jawatankuasa Induk) adalah seperti berikut :

<b>Bil.</b>	<b>Jabatan / Ahli</b>	<b>Catatan</b>
1.	Y.B. EXCO Perumahan dan Kehidupan Bandar	Pengerusi

2.	Y.B. Penasihat Undang-Undang	Ahli Mesyuarat
3.	Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	Ahli Mesyuarat
4.	Pembantu EXCO Perumahan Dan Kehidupan Bandar	Ahli Mesyuarat
5.	Jabatan Kerja Raya	Ahli Mesyuarat
6.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	Ahli Mesyuarat
7.	Pejabat Tanah Dan Galian Selangor	Ahli Mesyuarat
8.	Pejabat Tanah Dan Daerah	Ahli Mesyuarat
9.	Pihak Berkuasa Tempatan	Ahli Mesyuarat
10.	Panel Juru Ukur Bahan	Ahli Mesyuarat
11.	Panel Jurutera	Ahli Mesyuarat
12.	Panel Penilaian	Ahli Mesyuarat
13.	Pemaju	Ahli Mesyuarat
14.	Jabatan Insolvensi Malaysia / Pelikuidasi Swasta	Ahli Mesyuarat
15.	Jawatankuasa Pembeli / Pembeli Rumah	Ahli Mesyuarat
16.	Bank	Ahli Mesyuarat

\*Kehadiran ahli tertakluk dalam mesyuarat yang dibincangkan

- ii. LPHS berperanan bagi mengeluarkan **surat pengesahan projek terbengkalai** supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiaya atau bank.
- iii. LPHS juga mengadakan **perbincangan bersama pelikuidasi (liquidator)** terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- iv. LPHS turut mengadakan **perbincangan dengan semua jabatan teknikal** seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat

minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.

- v. Sekiranya projek ini menghadapi **defisit kos pemulihan**, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukkan khas pemulihan projek
- vi. **Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli** untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989
- vii. **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku **“breach of contract”** maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke Mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : SMART SELANGOR CCTV**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kajian dan penyelidikan yang telah atau sedang dibuat oleh Smart Selangor tentang penggunaan CCTV yang efektif untuk menangani isu trafik, keselamatan, pembuangan sampah secara berleluasa di pusat komersial dan perumahan dan penguatkuasaan kesalahan parking?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) telahpun mengadakan pembentangan kertas kerja bagi melaksanakan projek perintis pemantauan aliran trafik menggunakan CCTV kepada Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Negeri Selangor. Kelulusan telahpun diterima daripada pihak JPICT pada bulan Mei 2018.

Justeru, pihak SSDU telahpun mengadakan beberapa sesi perbincangan, perancangan dan kolaborasi bersama pihak Kumpulan Sunway City, Universiti Monash dan Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi tujuan melaksanakan projek perintis pemantauan aliran trafik di kawasan persekitaran bandar Sunway yang melibatkan beberapa jalan utama seperti Jalan Lagoon Timur, Jalan Lagoon Selatan, Jalan SS13 dan Persiaran Kewajipan. Pelaksanaan projek perintis ini dijangka akan siap sepenuhnya pada suku pertama 2019.

Bagi penggunaan CCTV untuk meningkatkan keselamatan awam, SSDU sedang bekerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk membolehkan penyaluran *live feed* 414 CCTV daripada sebelas (11) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berada di bawah kelolaan UPEN ke Smart Selangor Command Center. Ini akan membolehkan *live feed* CCTV tersebut dianalisa oleh perisian bagi tujuan *image data analytics* yang akan meningkatkan keupayaan pemantauan ke paras yang jauh lebih berkesan dari sekarang.

Untuk tahun 2018, SSDU bercadang untuk menjalankan projek rintis di satu PBT untuk tujuan penguatkuasaan parkir dan pembuangan sampah haram. SSDU telah melaksanakan *Technology Qualification Process* untuk *data analytics* CCTV di Smart Selangor Command Centre dengan beberapa pembekal teknologi semenjak

April 2018. Teknologi ini akan dikembangluas untuk menguji keberkesanannya ke beberapa tapak percubaan tambahan pada suku keempat 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MASALAH PENDATANG ASING**

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi menangani isu pendatang asing yang berleluasa dan berniaga secara terbuka di Selangor sehinggakan menggugat peniaga-peniaga tempatan terutamanya di Pasar Borong Selayang?

**JAWAPAN:**

- a) Semua lesen yang dikeluarkan adalah terdiri daripada pemohon-pemohon warganegara. Tiada lesen dikeluarkan kepada warga asing. Pihak majlis sentiasa bekerjasama dengan pihak Imigresen di dalam mengambil tindakan di kawasan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : RUMAH SELANGORKU JENIS A DAN B**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah Rumah Selangorku jenis tersebut yang telah siap, sedang dibina dan telah diluluskan.
- b) Nyatakan jumlah permohonan untuk rumah jenis tersebut dari 2016-2018.
- c) Nyatakan jumlah pemohon yang berjaya dan telah menduduki rumah tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Rumah Selangorku hanya mula diperkenalkan pada tahun 2014. Secara keseluruhannya sebanyak **104,680** unit Rumah Selangorku (RSKU) **telah diluluskan** oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerjaan Negeri sehingga 15 Ogos 2018. Sehingga 15 Ogos 2018, sebanyak **3,770** unit RSKU telah siap dibina dan telah diserahkan kunci. Manakala sebanyak **24,869** unit RSKU sedang dalam pembinaan. Perinciannya adalah seperti berikut :-

<b>TAHUN</b>	<b>BIL PROJEK</b>	<b>SIAP DIBINA</b>	<b>DALAM PEMBINAAN</b>	<b>DALAM PERANCANGAN</b>
2014	37 (15,135)	12 (2,738)	9 (6,858)	16 (5,683)
2015	75 (41,674)	5 (1,014)	19 (11,864)	51 (28,796)
2016	34 (18,924)	1 (12)	5 (3,361)	28 (15,551)
2017	45 (25,188)	1 (6)	2 (2,786)	42 (22,396)



TAHUN	BIL PROJEK	SIAP DIBINA	DALAM PEMBINAAN	DALAM PERANCANGAN
2018	13 (3,565)	-	-	13 (3,565)
<b>JUMLAH</b>	<b>204</b> (104,630)	<b>19</b> (3,770)	<b>35</b> (24,869)	<b>150</b> (75,991)

Berikut merupakan perincian bilangan unit bagi pembangunan RSKU yang telah siap dibina, dalam pembinaan dan dalam perancangan bagi jenis A dan B :-

Status Pembangunan	Bil. Unit Jenis RSKU	
	Jenis A	Jenis B
Siap Dibina	-	20
Dalam Pembinaan	583	3,711
Dalam Perancangan	12,401	14,277

- b) Jumlah permohonan untuk rumah jenis tersebut dari 2016 sehingga 15 Ogos 2018 sebanyak 33,632 pemohon seperti berikut :

DAERAH	PERMOHONAN	
	A	B
PETALING	3,587	5,534
KLANG	1,722	969
HULU LANGAT	6,120	5,141
GOMBAK	3,075	1,119
SEPANG	1,536	1,554
HULU SELANGOR	221	171
KUALA SELANGOR	303	69
KUALA LANGAT	1,847	569
SABAK BERNAM	72	23
<b>JUMLAH</b>	<b>18,483</b>	<b>15,149</b>
<b>KESELURUHAN</b>	<b>33,632</b>	

- c) Jumlah pemohon yang berjaya dan telah menduduki rumah tersebut adalah melibatkan sebanyak **19 projek dengan seramai 3,770 orang pemohon**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PKNS ADALAH PUSAT PERNIAGAAN BUMIPUTRA YANG TERAWAL DI  
NEGERI SELANGOR**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan Kompleks PKNS terus relevan sebagai pusat perniagaan bumiputra?
- b) Apakah bangunan Kompleks PKNS akan diberi rebranding baru supaya dapat bersaing dengan mall yang baru?

**JAWAPAN:**

- a) PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC) sentiasa memastikan Kompleks PKNS Shah Alam (KPSA) membantu dan menyokong peniaga-peniaga bumiputera dan juga kekal relevan kepada pengunjung-pengunjung yang datang. Antara inisiatif dan usaha berterusan yang dijalankan ialah:
  - 1) Pengekalan nisbah peratus bumiputera di KPSA sebanyak 85% sehingga kini.
  - 2) Pengubahsuaian Tempat Orang Lokal (T.O.L.) di lot yang sebelumnya dimiliki oleh penyewa yang bertaraf bukan bumiputera iaitu Seri Kota. T.O.L. memuatkan 35 lot niaga yang dihuni oleh penyewa-penyewa bumiputera sahaja dan kini penyewaan diuruskan oleh Hijrah Selangor bagi menawarkan lot niaga jangka pendek kepada peniaga-peniaga di bawah seliaan mereka.
  - 3) Penganjuran "Promosi Bulanan" di ruang-ruang promosi KPSA yang hanya ditawarkan kepada penyewa-penyewa bumiputera di KPSA sahaja untuk membantu melonjakkan jualan masing-masing pada setiap bulan.
  - 4) Penawaran tapak niaga di ruang promosi pada kadar berpatutan untuk penyewa-penyewa bumiputera di KPSA sahaja untuk Festival Ramadhan Selangor (FESTIRA) yang mampu mengundang kunjungan tidak kurang daripada 20,000 pengunjung sehari. FESTIRA juga adalah salah satu bukti

bahawa KPSA adalah tumpuan pengunjung bumiputera untuk membuat persediaan berhari raya.

- 5) Penawaran tapak niaga kepada peniaga-peniaga bumiputera bagi menggantikan lot-lot yang disewa oleh bukan bumiputera seperti sebahagian Pasaraya Sri Kota kepada Restoran Nasi Vanggey dan K3K Bentakaya kepada Kedai Ustaz.
  - 6) Bagi pengunjung pula, 40% daripada produk yang ditawarkan di KPSA merupakan pakaian muslimah dan peralatan ibadah sejajar dengan demografik pengunjung di KPSA yang majoriti terdiri daripada bumiputera.
  - 7) Penganjuran khas program CSR "Kasih Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor" yang dianjurkan oleh PKNS dan KPSA dengan menawarkan sebanyak 80-90 tapak niaga di ruang promosi pada harga minima selama 14 hari sebanyak 4 kali setahun untuk peniaga-peniaga di bawah seliaan Hijrah Selangor dan Bahagian Pembangunan Usahawan PKNS.
  - 8) PREC juga dalam perancangan untuk memberi peluang kepada lebih ramai peniaga bumiputera untuk menyewa tapak perniagaan di "SACC WALK" pada kadar berpatutan pada setiap hujung minggu.
- b) Dari segi penjenamaan, Kompleks PKNS Shah Alam (KPSA) telah pun diberi logo dan slogan baru oleh PKNS Real Estate (PREC) sejak 2014. Logo dan slogan ini juga telah digunakan secara meluas dalam bahan-bahan komunikasi yang dikeluarkan oleh KPSA. Reka bentuk bahan-bahan komunikasi juga diubahsuai menjadi lebih moden untuk memenuhi citarasa segenap lapisan pengunjung KPSA.

Jika dilihat dari sudut promosi pula, KPSA telah menjalankan promosi yang agresif di sosial media dan platform digital yang lain bagi menghebahkan aktiviti-aktiviti dan promosi penyewa-penyewa di KPSA. KPSA juga telah disenaraikan oleh Tourism Selangor sebagai salah satu tempat pelancongan di Selangor yang perlu dilawati.

KPSA juga telah mempelbagaikan jenis perniagaan yang ditawarkan di KPSA contohnya kemasukan Kedai Ustaz, Mahnaaz, Burger King, Subway dan Boat Noodle yang telah menjadikan KPSA berdaya saing dengan pusat-pusat membeli belah yang lain. Strategi ini merupakan salah satu cara mengukuhkan kedudukan ("positioning") KPSA di dalam industri.

Dari segi kemudahan pula, PREC telah memasang penghawa dingin di ruang-ruang legar bagi keselesaan para pengunjung dan penyewa. Selain itu, beberapa

kawasan telah ditambah baik seperti SACC Walk dan Anjung Perdana agar menjadi tarikan pengunjung yang datang. Kami sedang melaksanakan beberapa pengubahsuaian secara berfasa demi memastikan KPSA berada dalam keadaan yang baik dan setanding dengan pusat-pusat membeli-belah yang lain.

Walaupun penambahbaikan dari pelbagai aspek "*rebranding*" telah dijalankan, PREC juga sangat berhati-hati dalam mengekalkan identiti KPSA yang sangat dekat di hati pengunjung KPSA dan penduduk Shah Alam. KPSA merupakan sebuah bangunan yang kaya dengan elemen sentimental dan menyimpan seribu satu kenangan para pengunjung dan penyewa tetap sejak penubuhannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PENCEGAHAN BANJIR**

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah ulasan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diberikan keutamaan sebelum Kerajaan Tempatan meluluskan sebarang projek pembangunan?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan Tempatan untuk mengatasi masalah banjir akibat dari pembangunan-pembangunan baru?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Pengairan dan Saliran akan memberi ulasan untuk setiap projek pembangunan baru. Ulasan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran merupakan salah satu syarat yang diperlukan sebelum Kerajaan tempatan meluluskan sebarang projek pembangunan.
- b) Langkah-langkah yang diambil Kerajaan Tempatan untuk mengatasi masalah banjir akibat dari pembangunan-pembangunan baru adalah dengan menerapkan penggunaan Manual Salinan Mesra Alam (MSMA) bagi mengawal air larian permukaan (*surface runoff*) daripada sesuatu kawasan pembangunan. Selain itu, JPS juga mensyaratkan pembinaan kolam takungan dan juga *On Site Detention Pond* (OSD) bagi setiap pembangunan baru berdasarkan keluasan pembangunan masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : SKIM DANA HIJRAH SELANGOR**

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah penerima skim sepanjang skim dilancarkan.
- b) Nyatakan jumlah yang telah diluluskan dan status peminjam samada masih berniaga atau sebaliknya.

**JAWAPAN:**

- a) Bilangan penerima pinjaman Hijrah Selangor sehingga kini seramai 47,907 orang dengan bilangan pinjaman yang telah dikeluarkan sebanyak 54,737 dan jumlah pinjaman adalah sebanyak RM402,642,500.00.
- b) Bilangan penerima pinjaman Hijrah Selangor sehingga kini seramai 47,907 orang dengan bilangan pinjaman yang telah dikeluarkan sebanyak 54,737. Jumlah peserta yang tidak menjalankan perniagaan adalah seramai 779 orang manakala peserta yang menjalankan perniagaan adalah sebanyak 47,128.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : MASALAH PEMBINAAN DAN PENGGUNAAN PERSIARAN ATMOSPHERA  
YANG BELUM SIAP DAN ATAU TIDAK SEMPURNA**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan dan atau tindakan yang telah dilakukan bagi menyelesaikan masalah jalan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Pejabat Daerah dan Tanah Petaling (PDT Petaling) telah melakukan perbincangan bersama pihak pemaju Worldwide Holdings Berhad bagi tujuan cadangan kerja-kerja pelebaran dan sambungan jalan di Persiaran Atmosfera, Seksyen U5, Shah Alam. Namun begitu, kerja-kerja pelebaran dan sambungan jalan ini ditangguhkan kerana terdapat 4 buah struktur kediaman yang telah didirikan tanpa kebenaran di atas tanah rizab jalan tersebut.

PDT Petaling melalui kerjasama bersama pihak Worldwide Holdings Berhad telah menawarkan wang saguhati berjumlah RM7,000.00 kepada pemilik di setiap kediaman bagi tujuan pengosongan tapak. Walau bagaimanapun, pemilik-pemilik kediaman menolak tawaran yang telah dikemukakan dengan alasan tawaran tidak setimpal.

Mesyuarat terakhir bersama Yang Berhormat Adun Paya Jaras yang diadakan pada 5 Jun 2018 di PDT Petaling, di mana Pihak Yang Berhormat telah memohon PDT Petaling menyediakan tapak ganti kepada pemilik-pemilik kediaman agar tindakan penguatkuasaan dapat diteruskan. PDT Petaling telah mengenal pasti dua lokasi tapak ganti dan perkara ini perlu diangkat terlebih dahulu untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : TAPAK PEMBUANGAN SAMPAH HARAM**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kawalan tapak perlupusan sampah haram di Jalan Hulu Langat-Ampang dan berapa jumlah tapak perlupusan haram yang telah dikenal pasti?

**JAWAPAN:**

- a) MPKj akan melaksanakan tindakan seperti berikut :
- i. Membuat pembersihan sampah haram di kawasan pembuangan tapak sampah haram di bawah pentadbiran MPKj secara in – house.
  - ii. Meletakkan papan tanda **DILARANG MEMBUANG SAMPAH** di lokasi tapak pembuangan sampah haram.
  - iii. Aktiviti intipan sampah haram akan diadakan bagi mengenalpasti lori dan individu yang tidak bertanggungjawab membuang sampah di lokasi yang tidak dibenarkan oleh MPKj dan akan dikenakan kompaun beserta tindakan sitaan lori di bawah UUK 4 & UUK 13(1) - *Undang-undang Kecil - Pembuangan, Pemungutan, dan Pelupusan Sampah Sarap Majlis Perbandaran Kajang 2007*.

Majlis Perbandaran Kajang telah mengenalpasti sebuah tapak pembuangan sampah haram di lokasi tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : ISU MENGAJAR ATAU MEMBERI KULIAH DI MASJID DAN SURAU**

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Wakil Rakyat dilarang memberikan kuliah atau mengajar di Masjid dan Surau di seluruh Negeri Selangor walaupun mempunyai tauliah mengajar oleh Majlis Agama Islam Selangor di Negeri Selangor?
- b) Tindakan Kerajaan Negeri dalam menangani kebanjiran peceramah luar Selangor tanpa tauliah?

**JAWAPAN:**

- a) Selaras dengan arahan MAIS yang melarang penggunaan masjid sebagai gelanggang politik bertujuan untuk mengelakkan sebarang perpecahan, mengekalkan perpaduan ummah dan keharmonian ahli kariah, maka larangan ini telah dikeluarkan kepada semua masjid dan surau di Negeri Selangor.
- b) Setakat ini Jabatan Agama Islam Selangor hanya menerima 1 aduan berhubung penceramah luar Selangor tanpa tauliah pada tahun 2017 dan siasatan telah dilaksanakan mengikut undang-undang sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : HIGH SPEED BROADBAND DI JENJAROM DAN SUNGAI JAROM**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Ketiadaan 'High Speed Broadband' di Jenjarom dan Sungai Jarom di mana pengguna perlu membayar kos internet jalur lebar yang tinggi per Mbps perlu diatasi secepat mungkin. Apakah rancangan Kerajaan untuk melengkapkan kawasan ini dengan internet jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB)?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sudah maklum tentang perkara ini dan telah mengambil beberapa langkah untuk menstrukturkan semula pembangunan infrastruktur telekomunikasi di Selangor untuk menangani jurang ini. Oleh yang demikian, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 16/2017 pada 9hb Ogos 2017 telah bersetuju agar MBI selaku pemerbadanan milik Kerajaan Negeri menubuhkan anak syarikat SMARTSEL Sdn Bhd khusus untuk pembangunan infrastruktur telekomunikasi di Selangor. SMARTSEL diberi tanggungjawab untuk membangun dan mempertingkatkan Infrastruktur Digital Selangor demi mendokong Inisiatif Smart Selangor.

Pada ketika ini, SMARTSEL, dengan kerjasama rakan telekomunikasi tempatan dan antarabangsa, sudah mula membangunkan rangkaian digital teras (*Core Network*) khusus untuk Selangor termasuk memasang rangkaian teras ini di luar bandar mengikut fasa. Pelaksanaan ini akan mempercepatkan perluasan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi di seluruh Selangor dalam beberapa tahun terdekat ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : USAHA PENCEGAHAN DENGGI**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah atau teknologi terbaru yang digunakan oleh Kerajaan Selangor dalam mengurangkan jumlah kes denggi di Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah proaktif Kerajaan Selangor dalam menghapuskan tempat pembiakkan denggi di kawasan-kawasan terbiar?
- c) Apakah halangan-halangan utama Kerajaan Selangor dalam membanteras kes denggi?

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan No. 15, 141, 181, 217 dan 225.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : RANCANGAN PEMBINAAN HOSPITAL**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan berapa dan jangka masa hospital yang akan dibina oleh SELGATE?
- b) Bagaimana hospital ini akan manfaat kepada rakyat yang berpendapatan rendah?

**JAWAPAN:**

- a) SELGATE merancang untuk menguruskan operasi 10 buah hospital iaitu di :

**Fasa 1 (Menjelang 2020)**

- 1. Rawang

**Fasa 2 (Menjelang 2022)**

- 2. Kota Damansara
- 3. Shah Alam
- 4. Gombak
- 5. Setia Alam
- 6. Bangi

**Fasa 3**

- 7. Cyber Valley, Cyberjaya
- 8. Subang Jaya
- 9. Kwasa Land, Sungai Buloh
- 10. Kuala Selangor

Menjelang 2020, hospital yang dijangka akan mula beroperasi adalah di Rawang.

Manakala, fasa berikutnya akan menyaksikan hospital dijangka beroperasi di Kota Damansara, Shah Alam, Gombak, Setia Alam dan Bangi.

- b) Hospital milik SELGATE mengambil pendekatan mampu milik dari segi penetapan harga. Hospital-hospital milik SELGATE juga akan membantu penyelarasan penyaluran geran bantuan dan sebagainya daripada agensi-agensi Kerajaan

seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Zakat untuk manfaat rakyat dari golongan berpendapatan rendah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PENIAGA ASING**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Peniaga asing didapati menggunakan lesen orang tempatan untuk berniaga. Kerajaan Selangor perlu memperkenalkan syarat-syarat yang lebih ketat untuk menghalang mereka menjalankan perniagaan di Selangor. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Selangor untuk memastikan mereka tidak berniaga di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa kini, tidak dinafikan isu peniaga asing menggunakan lesen orang tempatan untuk berniaga semakin berleluasa. Masih terdapat juga pemegang lesen perniagaan yang menggunakan perkhidmatan warga negara asing bagi membantu perniagaan mereka malah dijadikan proksi untuk menjalankan perniagaan tersebut.

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa mengadakan pemantauan berkala dan operasi bersepadu bersama-sama dengan agensi penguatkuasaan yang lain. Antara tindakan yang telah diambil oleh PBT adalah:

- i) Tindakan sitaan dan kompaun dijalankan ke atas premis yang tidak mempunyai lesen perniagaan.
- ii) Tindakan pembatalan lesen sekiranya didapati peniaga melanggar syarat-syarat yang ditetapkan termasuk menyewakan lesen kepada orang asing.
- iii) Lesen perniagaan akan ditarik balik sekiranya kesalahan yang dilakukan didapati berulang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PUSAT TUISYEN RAKYAT SELANGOR**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat penambahan peruntukan program PTRS agar lebih ramai pelajar dalam kumpulan sasaran mendapat manfaat dan membantu ke arah kecemerlangan pendidikan di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri akan melaksanakan kajian berhubung perkara ini. Antara isu yang akan dipertimbangkan ialah faktor keluasan tempat dan jumlah pelajar yang memerlukan bantuan PTRS. Selain itu Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk mengenal pasti para pelajar yang memerlukan bantuan dan lokasi atau pusat komuniti yang boleh dilibatkan dalam Program Tuisyen Rakyat Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : KILANG HARAM**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perancangan Kerajaan bagi menangani masalah kilang haram yang masih terus tumbuh.
- b) Nyatakan jumlah kilang yang telah berjaya dalam proses pemutihan mengikut kawasan masing-masing.
- c) Adakah terdapat aduan kilang haram yang kembali beroperasi selepas diambil tindakan?

**JAWAPAN:**

- a) Setelah semakan semula dibuat hanya **2,998** buah kilang telah dibina di atas **2,523** lot tanah pertanian. Sepanjang tempoh PPKTK berlangsung, hanya **1,346** lot telah mengemukakan permohonan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada industri. Daripada jumlah permohonan tersebut sebanyak **1,223** telah diluluskan dan sebanyak **1,154** lot yang masih belum mengemukakan permohonan. Jumlah bilangan kilang yang telah berjaya di dalam proses pemutihan mengikut daerah seperti di **Lampiran A**.
- b) Sehingga kini tiada tindakan penguatkuasaan terhadap kilang-kilang tanpa kebenaran dilaksanakan kecuali kilang-kilang yang menimbulkan kacauganggu akan diambil tindakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).
- c) Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Kilang Haram Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Ng Sze Han Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru yang telah diadakan pada 23 Julai 2018 telah bersetuju untuk meneruskan Program Pemutihan Kilang Haram dengan kajian semula ke atas insentif dan garis panduan syarat teknikal minima yang telah dilaksanakan di dalam Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) yang telah tamat pada 31 Disember 2015.



## STATISTIK KILANG TANPA KEBENARAN DI NEGERI SELANGOR

Bil.	Daerah	PBT	Jumlah		Permohonan Tukar Syarat				
			Lot	Kilang	Bil. Permohonan	Lulus	Tolak	Batal	Belum Memohon
1.	PETALING	MBSA	787	817	753	731	6	16	34
		MBPJ	20	20	0	0	0	0	20
		MPSJ	145	252	81	77	4	0	61
2.	KLANG	MBSA	226	227	178	134	7	37	571
		MPK	535	621					
3.	HULU LANGAT	MPKj	351	428	170	169	18	4	181
		MPAJ							
4.	GOMBAK	MPAJ	0	0	43	28	1	14	94
		MPS	137	157					
5.	SEPANG	MPSp	64	55	2	1	0	1	55
6.	KUALA LANGAT	MDKL	177	197	92	73	15	4	78
7.	KUALA SELANGOR	MDKS	34	149	4	1	0	3	27
8.	HULU SELANGOR	MDHS	23	53	11	5	3	3	11
9.	SABAK BERNAM	MDSB	24	22	12	4	6	2	22
Jumlah			2,523	2,998	1,346	1,223	60	97	1,154

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI  
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : MASALAH HAIWAN TERNAKAN UNTUK PARA PENTERNAK DI  
BANDAR**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Masalah haiwan ternakan adakah Kerajaan Negeri menyediakan tempat untuk para penternak di bandar, satu kawasan penternakan baru? Mohon nyatakan dimana dan berapa keluasannya?
- b) Berapa ramai penternak telah mendapat manfaat daripada program ini sejak program ini dilaksanakan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah menyediakan satu kawasan penternakan baharu untuk para penternak bandar (lembu/kerbau) iaitu Ladang Translokasi Sungai Nilam di daerah Hulu Selangor. Luas keseluruhan ladang ini adalah 36.45 hektar (90 ekar) di mana ianya dipecahkan kepada 9 plot penternakan lebih kecil berkeluasan 4.05 hektar (10 ekar) setiap satu supaya lebih ramai penternak boleh menyertai ladang ini.

Selain daripada Ladang Translokasi Sungai Nilam, Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan Ladang Translokasi Olak Lempit di daerah Kuala Langat. Ladang ini pula berkeluasan 48.6 hektar (120 ekar) dan akan dipecahkan kepada 24 plot penternakan (lembu/kerbau) berkeluasan 2.02 hektar (5 ekar) setiap satu. Perkembangan terkini projek ini adalah kontraktor yang dilantik sedang melaksanakan penandaan sempadan tanah, kerja-kerja parit dan pembersihan tapak. Projek ini dijangka siap pada tahun 2019.

- b) Projek Ladang Translokasi Sungai Nilam telah dilaksanakan sejak 2010. Pada asalnya, 7 orang penternak telah bersetuju menyewa plot-plot penternakan di ladang ini. Seorang daripadanya telah ditamatkan penyewaannya kerana tidak lagi menternak. Seorang lagi penternak telah dibenarkan menyewa 1 plot tambahan. Sehingga kini, masih ada dua (2) plot penternakan yang masih kosong.

Projek Ladang Translokasi Olak Lempit pula dijangka memberi manfaat kepada 24 orang penternak apabila ianya beroperasi kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PROJEK PERUMAHAN MK ASSOCIATE SDN BHD**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mendapatkan hakmilik strata bagi kesemua 400 unit rumah pangsa?
- b) Berapa lamakah masa yang diperlukan bagi mendapatkan kesemua hakmilik strata tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Paya Jaras, siasatan lanjut telah menunjukkan bahawa terdapat dua (2) fasa yang berkaitan dengan projek perumahan ini, iaitu Pangsapuri Kos Rendah Fasa 2 (320 unit) dan Fasa 4 (100 unit). Kedua-dua fasa pangsapuri kos rendah ini terletak di kawasan Seksyen U20 Bandar Baru Sungai Buloh dan masih belum mengemukakan permohonan bagi pengeluaran hakmilik strata sehingga kini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pemilik tanah iaitu syarikat M.K. Associates Sdn. Bhd. (anak syarikat kepada Sateras Resources (Malaysia) Berhad) **telahpun digulung pada 5 Disember 2005** melalui Perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No.Pelantikan D4-21-32-2004 bertarikh 16 Ogos 2010. Oleh yang demikian, penyelesai (*liquidator*) yang telah dilantik adalah Tetuan Aljeffri Dean Chartered Accountants (beroperasi di Georgetown, Pulau Pinang) pada tarikh 16 Ogos 2010. Walau bagaimanapun, siasatan lanjut telah mendapati bahawa projek perumahan ini telah diambil alih oleh syarikat Ultimate Essence Sdn Bhd pada tahun 2012.

- b) Pengeluaran hakmilik strata akan diproses setelah permohonan pengeluaran hakmilik strata dikemukakan oleh pemilik tanah kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

Untuk makluman YB, permohonan hakmilik strata hanya boleh dikemukakan sekiranya pemilik tanah (atau pihak yang dilantik) memenuhi kesemua syarat kelulusan pecah bahagi bangunan seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 10 Akta Hakmilik Strata 1985 (Pindaan 2016) (A1518).

Sehubungan itu, tempoh masa yang diperlukan bagi pengeluaran hakmilik strata adalah mengikut tempoh masa berikut:

- i) Tiga puluh (30) hari bagi pengeluaran Sijil Formula Unit Syer oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS);
- ii) Enam puluh (60) hingga Sembilan puluh (90) hari bagi kelulusan dan pengeluaran Sijil Pelan Cadangan Pelan Strata (CPSP) oleh pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM); dan
- iii) Satu ratus (100) hari bagi pemprosesan permohonan Pecah Bahagi Bangunan (PBB), pengeluaran hakmilik baru strata serta pendaftaran hakmilik baru strata.

### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

- i. Pangsapuri Kos Rendah Fasa 2 (nombor hakmilik HSD 198436 PT 5611) berukuran sebesar 19,264 meter persegi yang melibatkan 320 unit kediaman kos rendah ini mempunyai tunggakan cukai tanah sebanyak RM93,928.60 dari tahun 2009 hingga tahun 2017. Kadar cukai tanah tahunan yang dikenakan adalah sebanyak RM5,951.00 sahaja. Surat peringatan untuk membayar cukai tanah telahpun dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Petaling pada 12 Januari 2018.
- ii. Pangsapuri Kos Rendah Fasa 4 (nombor hakmilik HSM 6389 PT 7869) berukuran sebesar 8,243.4 meter persegi yang melibatkan 100 unit kediaman mempunyai tunggakan cukai tanah sebanyak RM1,046,720.78) dari tahun 2001 hingga 2017. Kadar cukai tanah tahunan yang dikenakan adalah sebanyak RM2,680.00 sahaja.
- iii. Selain itu, lot tanah Pangsapuri Kos Rendah Fasa 4 juga masih di dalam status hakmilik sementara dan buat masa ini status tanah masih bertaraf mukim, dan belum dinaiktaraf ke status pekan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : MELINDUNGI KAMPUNG TRADISI**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memelihara Kampung Tradisi daripada dicemar oleh aktiviti-aktiviti pembangunan haram seperti yang berlaku di Kampung Tradisi Pulau Indah, Pelabuhan Klang?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan kepada Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang (Pengubahan 4) 2020, Kampung Tradisi telah dizonkan sebagai kawasan perumahan.

Bagi memastikan Kampung Tradisi terhindar daripada dicemar oleh aktiviti-aktiviti pembangunan haram, Majlis Perbandaran Klang akan melaksanakan pemantauan berterusan dan akan mengeluarkan notis penguatkuasaan ke atas aktiviti-aktiviti pembangunan haram dibawah kesalahan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui Kajian Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Selangor 2016 - 2035 telah mengenal pasti inisiatif SmartDesa Mampan iaitu pembangunan secara bijak, dengan mengambil berat terhadap pengurusan sumber jaya desa secara terkawal dan pembangunan ekonomi dan ruang (*spatial*) secara terancang terutamanya di 368 buah Kampung Tradisi daripada keseluruhan 519 buah kampung di Negeri Selangor.

Berdasarkan kepada Teras 3 Kluster Smart Desa iaitu Mengutamakan prinsip pembangunan mampan dan memelihara warisan alam dan sumber semulajadinya, Kerajaan Negeri komited untuk memastikan perkampungan tradisi di seluruh Negeri Selangor dirancang dan dibangunkan secara holistik termasuklah melindungi Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) dan kawasan pertanian.